KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KERAJAAN PERGIAT USAHA TANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA

IPOH, 20 Ogos 2025 – Kerajaan MADANI giat meneruskan usaha dan komitmen untuk menangani isu keganasan rumah tangga dengan penganjuran Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita @Keganasan Rumah Tangga anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Program dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Program ini dilaksanakan sebagai satu platform strategik bagi meningkatkan kesedaran, memberi keyakinan kepada mangsa untuk bersuara, serta menyediakan ruang sokongan dan pemulihan yang selamat. Ia turut menampilkan sesi intervensi psikologi "*K-Chat*" bersama kaunselor terlatih, perkongsian pemandiri dan forum bersama pakar. Program ini menghimpunkan kira-kira 500 peserta dari pelbagai latar belakang.

Menurut Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, keganasan rumah tangga adalah jenayah dan pelanggaran hak asasi manusia yang memberi kesan serius kepada mangsa, terutama wanita dan kanak-kanak. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun lalu merekodkan 7,116 kes keganasan rumah tangga, manakala sehingga Jun tahun ini sebanyak 3,768 kes telah dilaporkan. Dengan sebanyak 842 kes direkodkan pada tahun yang lalu, Negeri Perak merupakan antara lima negeri tertinggi dari segi nisbah kes berbanding populasi penduduk seramai 2.6 juta. Sementara itu dalam tempoh enam bulan pada tahun ini, negeri Perak mencatatkan 653 kes berbanding 265 kes bagi tempoh sama pada tahun lalu, menunjukkan peningkatan lebih dua kali ganda.

Angka-angka ini memberi gambaran bahawa lebih ramai mangsa kini tampil melaporkan insiden bagi mendapatkan bantuan selari dengan tahap kesedaran masyarakat yang semakin tinggi. Walaupun begitu peningkatan aduan juga menandakan isu ini masih serius dan memerlukan usaha berterusan melalui program advokasi, sokongan psikososial serta langkah pencegahan yang konsisten agar bilangan kes dapat dikurangkan dan mangsa dilindungi sepenuhnya.

Beliau turut menekankan pentingnya program advokasi berterusan bagi memastikan masyarakat lebih peka terhadap isu ini. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan termasuk Program Matahari, IRIS, Skuad Waja dan penyediaan khidmat kaunseling.

Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita @Keganasan Rumah Tangga atau Aku Wanita@KRT diwujudkan sebagai platform strategik bagi mendekati masyarakat melalui aktiviti berimpak tinggi yang telus terhadap masyarakat dalam menangani masalah KRT bersama pemandiri bertujuan memperkukuh jaringan sokongan mangsa dan memartabatkan agenda pemerkasaan wanita di negara ini.

Turut hadir Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perak, Pegawai-pegawai Kanan serta wakil daripada Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA (JPW)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
20 OGOS 2025